



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN PERAPATAN GURU DENGAN MURID DALAM BILIK
DARJAH TERHADAP TINGKAH LAKU MORAL MURID***

SYAHRUAN AZAN BIN NGADMID

FPP 2015 70



**HUBUNGAN PERAPATAN GURU DENGAN MURID DALAM BILIK DARJAH
TERHADAP TINGKAH LAKU MORAL MURID**

Oleh


SYAHRUAN AZAN BIN NGADMID

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia
sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

HUBUNGAN PERAPATAN GURU DENGAN MURID DALAM BILIK DARJAH TERHADAP TINGKAH LAKU MORAL MURID

Oleh

SYAHRUAN AZAN BIN NGADMID

Februari 2015

Pengerusi : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini mengkaji perapatan antara guru dan murid dengan memfokuskan kepada hubungan perapatan guru dan murid terhadap tingkah laku moral murid. Dalam kajian ini, aspek perapatan yang menjadi fokus kajian ialah aspek sikap dan tingkah laku guru yang melibatkan sikap dan tindakan guru yang peduli, adil, peka terhadap keperluan murid, dan mesra. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk perapatan yang wujud dalam bilik darjah, melihat hubungan yang wujud antara guru dengan murid terhadap tingkah laku moral murid, dan mengenal pasti corak perapatan guru yang berbeza yang mempengaruhi tingkah laku moral murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif korelasi manakala data kuantitatif daripada temu bual dianalisis bagi mengenal pasti corak perapatan yang wujud dalam bilik darjah. Seramai 71 orang responden telah dipilih secara rawak di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Jasin, Melaka. Manakala peserta kajian temu bual pula dipilih secara bertujuan daripada sampel kajian kuantitatif. Data dikutip menggunakan borang soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan statistik non-parametrik iaitu korelasi Spearman dan menggunakan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek perapatan yang melibatkan sikap dan tingkah laku guru peduli dan adil tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid. Manakala aspek sikap dan tingkah laku guru yang peka terhadap keperluan murid, dan guru yang mesra didapati mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid. Bagi dapatan temu bual pula, corak perapatan adalah jelas berdasarkan kepada pengulangan sikap dan tindakan guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Manakala, bentuk hubungan yang wujud dalam bilik darjah adalah berbentuk hubungan luas. Implikasi kajian ini dilihat dapat dilihat daripada perspektif teoretikal dan praktis dalam matapelajaran Pendidikan Moral di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

THE RELATIONSHIP OF TEACHER AND STUDENT ATTACHMENT IN THE CLASSROOM TOWARD STUDENTS' MORAL BEHAVIOUR

By

SYAHRUAN AZAN BIN NGADMID

February 2015

Chair : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Faculty : Pengajian Pendidikan

This research aims to investigate the attachment between teacher and the students with the focusing on moral behaviour of students. The attitudes and the behaviour of teacher, viz., caring, fairness, friendly and attending to students' needs are the main focus of the study. The objectives of the research is to identify the forms of attachment present in the classroom, to determine the relationship between teacher and student attachment with student's moral behaviour, and to identify the patterns of teacher and student's attachment that affected student's moral behaviour. The pragmatic approach, was undertaken to gather the relevant data. A total of 71 respondents were randomly selected as samples from a secondary school in the district of Jasin, Malacca. The data were collected using a questionnaire and interviews. The analysis of the questionnaires was carried out using Spearman correlation non-parametric and descriptive statistics to comprehend the pattern of relationship in the classroom. The findings showed that there was no significant relationship with the behaviour of the students when the teacher is caring and fair. Nevertheless, a remarkable effect on the students' behaviour if the teacher is friendly and attends to their needs. In addition, the analysis of the interviews depicted the close relationship during the process of teaching and learning. Meanwhile, there is the presence of a wide form of relationship in the classroom. The implications of the study can be seen from the theoretical and practical perspectives in Moral Education as a school subject in Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis kajian ini. Dengan berkat doa daripada kedua ibu bapa saya, proses menyiapkan tesis ini dapat dilakukan dengan lancar. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Nur Surayyah Madhubala Abdullah dan Prof. Madya Dr. Asmawati Suhid atas tunjuk ajar, bimbingan, teguran, nasihat kepada saya dengan penuh kesabaran.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden dan peserta kajian yang telah bekerjasama yang baik bagi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik dan juga telah memberi peluang untuk saya menemu bual mereka. Sekalung penghargaan buat kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan kerana telah banyak membantu saya dari segi memudahkan segala urusan pentadbiran dan juga formaliti. Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung bagi menjayakan urusan menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa dan rakan-rakan yang telah memberi sokongan moral kepada saya untuk terus berjuang bagi menyiapkan tesis ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas segala jasa anda.

Tesis ini diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asmawati Suhid, PhD

Prof. Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:


Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____



KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
1 PENGENALAN	1
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pernyataan masalah	3
1.3 Objektif kajian	4
1.3.1 Persoalan kajian	4
1.4 Kepentingan kajian	5
1.5 Definisi operasi	5
1.5.1 Tingkah laku moral	6
1.5.2 Perapatan guru dengan murid	6
1.5.3 Murid yang berpendidikan moral	7
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Kesimpulan	8
2 TINJAUAN LITERATUR	9
2.1 Tingkah laku murid	9
2.2 Iklim sekolah dan tingkah laku moral	10
2.3 Perapatan guru dan murid	11
2.4 Sikap dan tingkah laku guru di sekolah	12
2.5 Teori berhubung dengan kajian	15
2.5.1 Teori persekitaran oleh Haydon	16
2.5.2 Teori Sugarman	16
2.5.2.1 Model struktur formal sekolah	17
2.5.2.2 Struktur formal akademik	17
2.5.2.3 Perkaitan struktur formal sekolah dengan perapatan	18
2.5.3 Teori Durkheim	19
2.5.4 Teori Bronfenbrenner	21
2.6 Rumusan teori	22
2.7 Kerangka teoretikal	22

2.8 Kerangka konseptual	24
2.9 Kesimpulan	25
3 METODOLOGI	26
3.1 Reka bentuk penyelidikan	26
3.2 Tempat kajian	26
3.3 Populasi dan sampel kajian	27
3.4 Instrumen kajian	29
3.5 Kajian rintis	30
3.6 Prosedur pengumpulan kajian	31
3.7 Etika penyelidikan	32
3.8 Kesimpulan	32
4 DAPATAN KAJIAN	33
4.1 Pendahuluan	33
4.2 Demografi responden kajian	33
4.3 Latar belakang responden	33
4.4 Jenis perapatan guru dengan murid	34
4.5 Hubungan antara perapatan guru dengan murid	37
4.6 Corak perapatan guru dengan murid	39
4.7 Kesimpulan	42
5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	43
5.1 Pengenalan	43
5.2 Kesimpulan dapatan	43
5.2.1 Bentuk perapatan yang wujud dalam kelas pendidikan moral	44
5.2.2 Pengaruh perapatan guru dan murid terhadap tingkah laku moral murid	45
5.2.3 Corak perapatan antara guru dan murid	46
5.3 Implikasi kajian	47
5.3.1 Implikasi teoretikal	47
5.3.2 Implikasi terhadap Pendidikan Moral	48
5.4 Cadangan kajian akan datang	49
5.5 Kesimpulan	49
RUJUKAN	50
LAMPIRAN	59

SENARAI JADUAL


Jadual		Halaman
1.1	Statistik Salah Laku Disiplin Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Tahun 2006-2011	2
2.2	Bentuk hubungan dan corak perapatan guru dengan murid	23
3.1	Bilangan item konstruk bahagian B	29
3.2	Bilangan item konstruk bahagian C	29
3.3	Kategori bentuk hubungan antara guru dan murid berdasarkan kepada min	30
3.4	Pekali cronbach alpha berserta dengan petunjuk	30
3.5	Kebolehpercayaan koefisien instrument kajian	31
4.1	Kekerapan taburan mengikut jantina dan etnik	33
4.2	Taburan kekerapan hubungan luas dan sempit antara guru dan murid	34
4.3	Persetujuan responden terhadap pernyataan dalam item mengikut konstruk	34
4.4	Korelasi antara perapatan guru dan murid	37

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Hubungan antara perapatan guru dan murid dengan tingkah laku moral murid di sekolah	24
3.1	Carta pemilihan sampel rawak berstrata	28
3.2	Triangulasi dalam kaedah melibatkan peserta kajian dan guru sebagai informan	31

SENARAI SINGKATAN

FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPM	Murid berpendidikan moral
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran & Pembelajaran
SES	Status Sosioekonomi
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Tingkah laku menurut Charles (2008) merujuk kepada tindakan yang dilakukan oleh individu, sama ada betul atau salah, baik atau jahat, berguna atau tidak berguna, dan produktif atau membazir terhadap seseorang individu lain. Oleh itu, tingkah laku dapat menggambarkan sesuatu tindakan yang dilakukan sama ada berbentuk positif atau negatif. Tingkah laku mempunyai perkaitan rapat dengan masalah salah laku kerana salah laku merupakan set tingkah laku yang berbentuk negatif dan memberikan kesan. Di peringkat sekolah, salah laku melibatkan masalah disiplin, malah turut juga meliputi tingkah laku antisosial, masalah sosial, dan salah laku devian. Kes salah laku murid telah mendapat perhatian yang serius terutamanya oleh pihak sekolah dan ibu bapa kerana memberikan kesan kepada murid yang terlibat dan juga terhadap orang lain.

Salah laku disiplin lebih sinonim dengan murid sekolah dan melibatkan pelbagai bentuk tingkah laku berdasarkan kepada kategori yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Sapawi Mahdi & Bennet, 2002). Salah laku juga boleh didefinisikan sebagai perbuatan yang bertentangan dengan norma, aturan, tatasusila, arahan, serta tata tertib yang telah ditetapkan oleh sesuatu masyarakat (Amna Md. Nor, et.al., 2003). Oleh itu, salah laku berdasarkan kepada definisi oleh Amna Md. Nor, et.al. (2003) adalah merujuk kepada perbuatan negatif yang dilakukan oleh murid sekolah dan juga melibatkan elemen-elemen tingkah laku murid.

Dari sudut pengkategorian jenis salah laku disiplin pula, KPM telah menggolongkannya dalam lapan bentuk salah laku disiplin (Mansor Abu Talib, et al., 2003). Salah laku tersebut adalah kesalahan yang berunsurkan jenayah, kelucuhan, kurang sopan, laku musnah, kekemasan diri, ponteng sekolah, kenakalan, dan tidak mementingkan masa. Salah laku murid yang dikategorikan oleh KPM merujuk kepada salah laku disiplin. Kajian Fatimah Ali (2007) pula telah menyamakan salah laku disiplin kepada masalah sosial atau salah laku sosial. Pernyataan ini adalah berdasarkan kepada tafsiran maksud disiplin yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979.

Salah laku murid melibatkan bentuk tingkah laku yang tidak mematuhi dan melanggar peraturan atau kelaziman serta adat kebiasaan sosial, dan di dalam konteks kajian ini ialah peraturan sekolah. Peraturan sekolah pula mewakili norma-norma autoriti yang diwujudkan untuk mengekalkan tertiban seperti mengekalkan perhubungan yang lancar dengan guru dan bagi mengelakkan hukuman (Nucci, 2008). Peraturan dikenakan terhadap murid bukan sahaja bertujuan melatih murid untuk menjadi individu yang lebih berdisiplin, malah peraturan dapat mengekang murid daripada melakukan perbuatan yang bertentangan dengan peraturan sehingga mendatangkan mudarat kepada kesejahteraan sekolah dan juga murid yang lain.

Salah laku murid di sekolah Malaysia dari tahun 2006 hingga 2011 secara puratanya menunjukkan penurunan (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2012). Walaupun statistik salah laku menunjukkan penurunan, jelasnya menunjukkan bahawa masalah salah laku murid sentiasa

wujud. Hal ini merupakan petunjuk yang jelas bahawa tingkah laku moral murid berada pada tahap yang tidak memuaskan. Bentuk salah laku disiplin mempunyai kaitan rapat dengan salah laku disiplin kerana kedua-duanya melibatkan murid mengambil tindakan atau perbuatan yang bertentangan dengan norma dan peraturan sekolah. Perkara ini memberikan kesan terhadap persekitarannya termasuk kepada murid lain, guru, ibu bapa, sekolah, dan masyarakat.

Jadual 1.1 Statistik Salah Laku Disiplin Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bagi Tahun 2006-2011.

Tahun	Jumlah Murid yang terlibat			Peratusan (%)
	SR	SM	Jumlah	
2006	36,731	74,584	111,313	2.13
2007	25,244	88,312	113,556	2.10
2008	38,354	74,013	112,366	2.08
2009	35,776	76,202	111,978	2.06
2010	38,927	72,557	111,484	2.06
2011	37,345	72,873	110,218	2.05

Nota: Data ini diperolehi secara terus dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2012.

Masalah salah laku murid telah mendapat perhatian meluas terutamanya pihak ibu bapa. Kajian juga telah dilakukan bagi mencari punca dan penyelesaian kepada masalah salah laku. Berdasarkan kepada kajian lepas, antara faktor yang menyebabkan salah laku murid adalah disebabkan faktor guru, rakan sebaya, media, sekolah, ibu bapa, murid, dan juga iklim sekolah atau persekitaran sekolah (Abdullah Al-Hadi Hj. Muhamed, et al., 2001; Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, Shahrin Hashim, Mohd Ali Ibrahim, Raja Roslan Raja Abd Rahman, & Noordin Yahaya, 2009; Azizi Yahaya & Jamaludin Ramli, 2010).

Salah laku murid bukan sahaja akan menjejaskan masa depan murid dan imej sekolah, malah turut memberi kesan kepada kejayaan pelaksanaan sesuatu polisi kerajaan seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Salah laku murid yang berlaku di sekolah akan memberi kesan terhadap pelaksanaan PPPM secara umum, namun secara khususnya pula akan memberi kesan terhadap program pendidikan nilai di Malaysia. Program pendidikan nilai di Malaysia meliputi konteks formal dan juga tidak formal. Konteks formal melibatkan pengajaran subjek-subjek tertentu seperti subjek Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, dan juga pengajaran nilai merentasi kurikulum. Manakala konteks pendidikan moral tidak formal pula meliputi aspek persekitaran sekolah, aktiviti sekolah, dan juga pengaruh guru, murid, dan juga pentadbir (Sugarman, 1973; Ee Ah Meng, 1996).

Transformasi pendidikan yang direncanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bukan sahaja bertujuan untuk menyiapkan negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, malahan elemen-elemen di dalam pelan ini dilihat mempunyai elemen terhadap pembentukan tingkah laku murid. Oleh yang demikian, sekiranya masalah salah laku murid tidak ditangani dengan berkesan ia akan mempengaruhi kejayaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Masalah salah laku disiplin, masalah sosial, tingkah laku devian, dan tingkah laku antisosial mempunyai perkaitan dengan tingkah laku moral murid. Berdasarkan kepada definisi dan juga

tumpuan kajian lepas seperti kajian oleh Seidman (2005) dan Meyers (2003) yang secara jelasnya merujuk kepada perbuatan dan tindakan yang bertentangan dengan norma-norma dan peraturan sekolah. Bentuk tindakan dan perbuatan tersebut adalah merupakan bentuk tingkah laku yang negatif. Tingkah laku moral pula merujuk kepada perlakuan dan perbuatan yang tidak bertentangan dengan norma dan nilai-nilai masyarakat dan juga tingkah laku prososial (Rajendran & Ee Ah Meng, 1994). Norma dan nilai-nilai dapat dikaitkan dengan peraturan serta nilai yang diterapkan oleh sesebuah sekolah atau pun guru. Maka, sekiranya murid melanggar peraturan dan tidak menunjukkan nilai yang bertentangan dengan yang dikehendaki oleh sekolah, maka murid itu dianggap melakukan tingkah laku yang negatif.

Walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang melihat faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya salah laku disiplin dan juga salah laku murid di sekolah seperti kajian Huzaidy Hussain (2001), namun masalah ini masih berlanjutan dan tidak menunjukkan tanda-tanda untuk menurun dengan ketara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dengan jelas telah menggariskan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk mengembangkan potensi murid dari pelbagai aspek seperti jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Begitu juga dengan program Pendidikan Moral di Malaysia terutamanya di sekolah yang mahu melahirkan murid yang bertingkah laku baik serta mengamalkan nilai-nilai murni. Selaras dengan matlamat akhir FPK, pembentukan tingkah laku moral murid melalui Pendidikan Moral formal dan tidak formal dilihat kurang berjaya dengan adanya data statistik salah laku murid setiap tahun. Perkara ini membawa kepada petunjuk bahawa bentuk tingkah laku moral yang negatif sentiasa wujud di sekolah dan merebak ke dalam konteks masyarakat. Oleh itu, kajian ini cuba melihat aspek perapatan guru dengan murid di sekolah yang mana kajian-kajian lepas kurang memfokuskan kepada aspek ini secara khusus terhadap masalah tingkah laku moral di sekolah menengah di Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Kewujudan salah laku ini dalam kes disiplin menunjukkan bahawa ada masalah tingkah laku moral dalam kalangan murid sekolah menengah dan masalah ini dikaitkan dengan hubungan guru dengan murid (Ridnauer, 2006). Persoalan yang timbul dalam kajian ini adalah, adakah hubungan guru dengan murid mempengaruhi tingkah laku moral murid.

Teori Sugarman (1973) tentang tingkah laku moral murid mengatakan bahawa terdapat hubungan antara guru dengan murid terhadap pembentukan tingkah laku murid dan hubungan tersebut terletak pada perapatan guru dengan murid. Hubungan tersebut pula dilihat dalam dua bentuk iaitu hubungan luas dan sempit. Namun demikian, teori Sugarman (1973) tidak menjelaskan secara terperinci bagaimana hubungan tersebut dijalinan oleh guru dalam bilik darjah. Oleh itu, wujud jurang pengetahuan berkaitan dengan teori ini dari apabila teori ini hanya menyatakan idea mengenai hubungan luas dan sempit tetapi tidak menerangkan bagaimana perapatan itu bersalinghubungan antara guru dengan murid dan kesignifikanan hubungan tersebut.

Dari sudut kajian-kajian berhubung dengan peranan guru dengan tingkah laku moral pula, kajian lepas banyak memfokuskan hubungan guru dengan murid terhadap aspek lain seperti pencapaian akademik (Wilkins, 2014). Sorotan kajian lepas seperti kajian oleh Badriyah Hassan (2001), Mashirah Yahaya (2007), dan Hein (2012) juga menunjukkan bahawa hubungan guru dengan murid mempunyai perkaitan terhadap tingkah laku, namun kajian lepas juga turut mengaitkannya

dengan aspek lain seperti masalah disiplin. Oleh yang demikian, kajian khusus dilihat perlu dilakukan berkaitan hubungan guru dengan murid terhadap tingkah laku moral. Selain daripada itu, kajian lepas juga lebih dilihat berfokus kepada peranan guru secara umum dan tidak melihat secara khusus terhadap peranan guru dalam pembentukan tingkah laku moral murid (Koutrouba, 2013).

Kesemua ini menunjukkan bahawa masih terdapat persoalan yang belum dijawab tentang sejauh mana dan bagaimana perapatan guru dan murid mempengaruhi tingkah laku moral mereka dalam konteks murid sekolah menengah di Malaysia. Maka satu kajian kajian perlu dibuat tentang hubungan tersebut dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh dan terperinci dan dalam konteks murid sekolah menengah di Malaysia.

Kajian ini akan menentukan perapatan guru dengan tingkah laku moral murid sekolah menengah. Dapatan kajian tentang hubungan tersebut akan membantu memahami peranan guru dalam konteks perapatan guru dan murid terhadap tingkah laku murid. Seterusnya akan ditinjau, sama ada perhatian atau tindakan perlu diberikan oleh sekolah dan KPM terhadap status hubungan tersebut ke arah memperbaiki tingkah laku moral murid serta mengurangkan salah laku moral. Selain itu, dapatan kajian ini dapat membantu memperbaiki program pendidikan moral di sekolah yang menerapkan nilai-nilai murni secara tidak langsung serta membentuk tingkah laku moral murid melalui aktiviti-aktiviti di luar PdP seperti kokurikulum.

1.3 Objektif Kajian

Matlamat am kajian ini adalah untuk menentukan hubungan di antara perapatan guru dan murid dengan tingkah laku moral murid.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif khusus berikut:

- i. Mengenal pasti jenis perapatan guru dengan murid dalam kelas Pendidikan Moral.
- ii. Menentukan sama ada sikap dan tingkah laku guru terhadap murid dalam kelas Pendidikan Moral mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku moral murid.
- iii. Menerangkan corak sikap dan tingkah laku guru terhadap murid yang mempengaruhi tingkah laku moral murid.

1.3.1 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian ini:

- i. Apakah jenis perapatan guru dengan murid yang wujud dalam kelas pendidikan moral?
- ii. Adakah terdapat hubungan signifikan antara sikap dan tingkah laku guru terhadap murid dengan tingkah laku moral murid dalam kelas Pendidikan Moral?
- iii. Apakah corak sikap dan tingkah laku guru terhadap murid dengan tingkah laku moral murid dalam konteks tingkah laku moral murid?

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberi kefahaman kepada pihak sekolah, terutamanya guru melalui penjelasan konsep tingkah laku moral murid. Daripada kajian ini juga, teori yang mendasari kajian ini iaitu teori Sugarman (1973) dapat difahami dengan lebih jelas dan mendedahkan para guru serta pihak sekolah mempraktikkannya dalam persekitaran di sekolah. Persekitaran sekolah yang kondusif akan wujud apabila pihak sekolah berjaya memahami dengan jelas konsep peranan guru sebagai pendidik membantu membentuk tingkah laku moral murid di sekolah.

Teori Sugarman (1973) memfokuskan kepada dua bentuk hubungan antara guru dengan murid iaitu hubungan luas dan hubungan sempit. Dalam teori ini, hubungan luas dan sempit tidak menggambarkan bentuk hubungan yang negatif kerana kedua-dua bentuk hubungan ini diimplementasikan berdasarkan kepada peringkat umur yang berbeza dan mengikut keperluan semasa murid. Melalui dapatan kajian ini, penjelasan berkaitan dengan kesesuaian penggunaan konsep hubungan luas dan sempit dapat diamalkan mengikut konteks dan juga kesesuaian dari segi pencapaian murid, kognitif murid, dan juga aspek latar belakang peribadi murid yang mempengaruhi tingkah laku moral murid di sekolah. Dapatan kajian ini juga sekaligus dapat mengaplikasikan teori Sugarman (1973) berkaitan dengan bentuk perapatan guru dengan murid dalam bilik darjah.

Sekolah merupakan salah satu ejen sosialisasi yang penting kepada murid. Seluruh warga sekolah memainkan peranan penting dalam menyediakan murid supaya dapat berfungsi dengan baik dalam masyarakat. Namun apabila murid mempunyai masalah tingkah laku, maka kecacatan berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, pihak sekolah terutamanya pengetua sepatutnya dapat memberikan sokongan dan juga membentuk iklim sekolah yang bersesuaian supaya murid cenderung untuk tidak bertingkah laku negatif. Dapatan kajian ini juga dapat memberikan gambaran kepada pihak sekolah terutamanya guru untuk memperbaiki hubungan guru dengan murid supaya dapat mewujudkan iklim sekolah yang mengamalkan prinsip-prinsip moral dengan berkesan (Tam Yeow Kwai, 2006).

Dapatan kajian ini secara keseluruhannya memberi sumbangan terhadap unit paling asas dalam pendidikan iaitu sekolah yang melibatkan komponen seperti pengetua, guru, dan murid. Elemen-elemen seperti iklim sekolah, perapatan, dan tingkah laku moral dilihat saling berkaitan dalam membentuk tingkah laku moral dan seterusnya membantu perkembangan moral murid. Oleh itu, dapatan kajian ini dilihat mampu membantu pihak sekolah mencapai kecemerlangan bukan sahaja dari sudut pencapaian akademik, tetapi turut mempengaruhi tingkah laku murid ke arah tingkah laku murni.

1.5 Definisi Operasi

Definisi operasional bagi beberapa istilah dalam kajian ini perlu diterangkan secara terperinci. Definisi operasional perlu kerana definisi secara umum adalah berbeza dengan definisi dalam kajian ini kerana ia berbentuk khusus dan boleh diukur (Sidek Mohd Noah, 2002).

1.5.1 Tingkah laku moral

Tingkah laku merujuk kepada tindakan yang dilakukan oleh individu, betul atau salah, baik atau jahat, berguna atau tidak berguna, dan produktif atau membazir (Charles, 2008). Tingkah laku moral pula merujuk kepada pelakuan dan perbuatan yang tidak bertentangan dengan norma dan nilai-nilai masyarakat dan juga tingkah laku prososial (Rajendran & Ee Ah Meng, 1994). Antara ciri-ciri individu yang mempunyai tingkah laku moral yang baik ialah bertindak secara terkawal dan mempunyai pemikiran yang waras, berupaya membuat pertimbangan yang tidak mementingkan diri sendiri, dan tidak bersifat terlalu altruistik sehingga mengorbankan kepentingan diri sendiri. Tingkah laku moral juga dikaitkan dengan tingkah laku prososial. Menurut Berns (2013) tingkah laku prososial merujuk kepada tingkah laku altruisme. Tingkah laku altruisme ini dapat dilihat apabila murid menunjukkan tingkah laku yang baik hati, bertimbang rasa, dan membantu. Sebagai respons kepada tingkah laku tersebut, guru dapat melihat murid bekerjasama, berkongsi, memberikan keselesaan antara satu sama lain, dan menawarkan bantuan

Dalam konteks kajian ini, tingkah laku moral merujuk kepada perbuatan dan kelakuan yang tidak bertentangan dengan norma dan peraturan di dalam sekolah ketika murid sedang mengikuti PdP. Antara perbuatan dan kelakuan tingkah laku moral dalam kajian ini adalah mengambil berat dan peduli terhadap orang lain, bertindak adil, peka terhadap keperluan orang lain, menghormati orang lain, menunjukkan kerjasama yang baik serta berkemampuan untuk menjalin perhubungan yang baik dengan orang lain.

1.5.2 Perapatan guru dengan murid

